

07/07/2002

Lima juta dapat manfaat DKN

Wan Hanafi Wan Min

KUALA LIPIS: Lima juta ahli koperasi bakal mendapat manfaat apabila kerajaan melancarkan Dasar Koperasi Negara (DKN) pada 21 Julai ini, yang bertujuan merangsang kegiatan ekonomi lebih menyeluruh, khususnya membasmi kemiskinan penduduk luar bandar.

Pelaksanaan dasar baru itu juga akan menjadikan koperasi berfungsi sebagai sektor ketiga terbesar dalam membantu menjana ekonomi negara selepas sektor ekonomi kerajaan dan pihak swasta.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam berkata, draf pelaksanaan mengenai perkara itu sudah dimuktamadkan oleh kementeriannya dan akan dibawa ke peringkat Jemaah Menteri minggu depan bagi mendapat persetujuan Kabinet.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membuat pengumuman serta melancarkan DKN sempena Hari Koperasi Negara yang akan disambut pada 21 Julai ini.

"Antara pengisian KDN ialah menentukan hala tuju koperasi berasaskan strategi perniagaan dengan lebih luas sekali gus memanfaatkan aset yang mampu menyumbang kepada kegiatan ekonomi secara menyeluruh berbanding kegiatan masa ini, masih terhad," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun Getah Daerah Lipis Berhad (KENDALI) kali ke-16 di dewan utama Wisma Umno Lipis, semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan, Kemudahan Asas dan Hal Ehwal Orang Asli, Datuk Omar Othman, Ketua Pengarah Risda, Baharudin Awang, Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri, Abdullah Mahmud dan Timbalan Pengarah Risda, Hanapi Idris.

Kasitah berkata, antara dasar yang bakal dibincangkan di peringkat Kabinet, termasuk memberi tumpuan kepada bidang baru iaitu kesihatan ahli serta keluarga masing-masing, kecemerlangan dalam pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan industri pemakanan.

Katanya, menerusi keahlian koperasi seramai lima juta orang di seluruh negara pada masa ini, aset yang terkumpul ialah sebanyak RM18.9 bilion, manakala saham berbayar ahli sebanyak RM4.76 juta.

"Jumlah berkenaan adalah satu jumlah besar dan dapat membantu bukan saja ahli koperasi, dapat dimanfaatkan oleh usahawan Bumiputera lain di luar bandar dalam pelbagai bidang apabila digiatkan secara tersusun," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan penggerak koperasi setempat agar mengurus koperasi masing-masing dengan bijak sekali gus tidak membuat pelaburan atau perniagaan dalam bidang berisiko tinggi semata-mata bertujuan mengaut keuntungan.

Katanya, koperasi perlu bergerak di landasan sebenar supaya hala tuju yang ingin dicapai dapat memenuhi aspirasi serta matlamat penubuhan koperasi itu sendiri demi memajukan koperasi dari segi pulangan serta faedah kepada anggota.